

Penduduk bimbang banjir kilat landa Selangor

KEBIASAANNYA hujan lebat akan mere-sahkan penduduk di sebelah pantai timur seperti di Kelantan dan Terengganu namun sejak akhir-akhir ini situasi yang sama menyebabkan penduduk di Selangor kini turut diselubungi kebimbangan.

Lebih teruk lagi apabila banjir kilat masih berlaku di lokasi yang sama seperti di kawasan Seksyen 13, Shah Alam berhampiran Stadium Malawati dan pasar raya besar Giant selain di Batu 3 berdekatan kilang gula serta di Bandar Puncak Alam, Kuala Selangor.

Turut mengalami nasib sama adalah penduduk di beberapa kawasan sekitar Bandar Diraja Klang apabila air mula menegenangi jalan raya dan kediaman mereka dengan pantas walaupun hujan lebat berlaku hanya dalam tempoh sejam.

Kejadian yang paling buruk berlaku pada petang Isnin lalu apabila jalan menghalu ke Plaza Tol Bukit Jelutong di Shah Alam juga dinaiki air sehingga menyebabkan kesesakan lalu lintas yang teruk di kawasan itu.

Banjir kilat turut melanda Lebuhraya Persekutuan dari arah Kuala Lumpur menuju ke Klang dan laluan yang bertentangan dengannya.

Apa yang berlaku itu sememangnya telah menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penduduk setempat yang menyifatkan kerajaan negeri tidak serius dalam menyelesaikan permasalahan yang berlaku setiap kali hujan lebat berlaku.

Seorang penduduk di Bandar Puncak Alam, Mahani Ismail melahirkan kebimbangannya setiap kali hujan lebat melanda di kawasan kediamannya itu.

"Setiap kali hujan lebat, saya akan berdebar-debar kerana rumah saya akan dinaiki air. Laluan untuk pulang ke rumah saya juga ditutup.

"Misalnya kejadian yang berlaku baru-baru ini, air naik secara mengejut pada lewat petang. Mereka yang ada anak kecil dan warga emas bimbang dengan keselamatan masing-masing. Inilah yang menjadi kerisauan penduduk Shah Alam sejak sekian lama," katanya.

Seorang lagi penduduk di Seksyen 13, Shah Alam, Ahmad Sufian Ariffin menyifatkan kejadian ban-



jir kilat yang berlaku baru-baru ini amat luar biasa.

"Jika kerajaan negeri tidak segera bertindak bagi memastikan langkah yang perlu dilaksanakan bagi menyelesaikan masalah banjir, ia akan menambah rasa bimbang penduduk.

"Ini kerana kejadian itu turut menjejaskan kawasan yang tidak sepatutnya berlaku seperti di Kuala Selangor.

Mungkin ada yang tidak betul dengan sistem perparitan di negeri ini," jelasnya.

Penulis turut difahamkan, bagi penduduk di kawasan itu, kejadian tersebut adalah antara yang terburuk pernah berlaku selepas kejadian sama terjadi pada Oktober lalu.

Apabila kejadian itu berulang dua bulan berturut-turut, ia telah mencetuskan kebimbangan dalam kalangan penduduk setiap kali berlakunya hujan lebat.

Pengerusi Belia 4B Kota Raja, Mohd. Ali Zakarah pula memberitahu, kerajaan negeri sepatutnya memainkan peranan penting kerana masalah banjir kilat di Selangor bukannya perkara baharu bahkan penduduk berhadapan dengan masalah itu sejak sekian lama.

"Kita sudah muak dengan janji kerajaan negeri yang tidak bertindak lebih awal bagi menangani masalah banjir di kawasan ini. Hujan berterusan selama dua jam akan melumpuhkan kawasan ini,

bayangkan jika hujan turun dalam tempoh yang lebih lama.

"Bukan itu sahaja, rumah penduduk juga mengalami kerosakan dan berlumpur ekoran banjir kilat. Kita minta kerajaan negeri jangan lepas tangan dengan memberi alasan yang sama, sepatutnya sudah lama kolam takungan di Bandar Puncak Alam diperbesarkan," jelasnya.

Pandangan Mohd. Ali itu ada asasnya apabila Bajet Selangor 2016 yang dibentangkan pada 30 Oktober lalu memperuntukkan RM80 juta termasuk tambahan RM12 juta untuk tujuan pembangunan, menyelenggara dan mengurus 314 kolam takungan di negeri ini bagi menangani masalah banjir.

Bagaimanapun, inisiatif menangani banjir sepatutnya dimulakan lebih awal lagi di kawasan yang benar-benar berisiko dilanda banjir kilat.

Bukannya selepas penduduk berhadapan dengan masalah banjir kilat, barulah kerajaan negeri bersungguh-sungguh mencari jalan penyelesaian untuk menangani masalah berkenaan.

Sementara itu, penulis mendapati Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Zaidy Abdul Talib mempunyai alasannya yang tersendiri.

Beliau berpendapat, kejadian banjir kilat itu berlaku bukan disebabkan saliran perparitan. Sebaliknya Zaidy mendakwa, ia disebabkan faktor hujan lebat luar biasa yang menyebabkan 17 buah kampung dilanda banjir.

Justeru, penduduk di kawasan banjir kilat itu kini terpaksa menunggu kerja-kerja penyelenggaraan takungan air tersebut siap sepenuhnya pada Julai 2016 seperti yang telah dijanjikan kerajaan negeri.

ENJIT-ENJIT SEMUT

